

## JAWAPAN IMPAK A+ BAHASA MELAYU TINGKATAN 2 BAHAGIAN A, B, C & D

### BAHAGIAN A: SISTEM BAHASA

#### Praktis 1

- |  |  |
|--|--|
| (i) masa ke semasa – masa ke masa / semasa ke semasa           | (v) paling bahaya sekali – paling bahaya/bahaya sekali       |
| (ii) memberikan banyak sumbangan – banyak memberikan sumbangan | (vi) massa media – media massa                               |
| (iii) kapal terbang-kapal terbang – kapal-kapal terbang        | (vii) satu setengah jam – satu jam setengah                  |
| (iv) di masa – pada masa                                       | (viii) tidak lagi boleh berlakon – tidak boleh berlakon lagi |
|  | (ix) Bila – apabila  |

#### Praktis 2

- |                               |                                 |
|-------------------------------|---------------------------------|
| (i) Masaalah – Masalah        | (vi) silaturrahim – silaturahim |
| (ii) Kadang kala – Kadangkala | (vii) rekriasi – rekreasi       |
| (iii) insiatif – inisiatif    | (viii) yunik – unik             |
| (iv) modern – moden           | (ix) dicatit – dicatat          |
| (v) Sessi – Sesi              | (x) perabut – perabot           |

#### Praktis 3

- |                      |                       |
|----------------------|-----------------------|
| (i) Frasa Nama       | (iv) Frasa Sendi Nama |
| (ii) Frasa Kerja     | (v) Frasa Adjektif    |
| (iii) Frasa Adjektif | (vi) Frasa Nama       |

#### Praktis 4

1.

- (i) Raju menanyakan anaknya, Leela tempoh masa dia akan menginap di rumah Farah.
- (ii) Leela memberitahu ayahnya bahawa dia tidak akan tinggal lama di rumah Farah tetapi hanya seminggu sahaja.
- (iii) Raju bertanya lagi sama ada keluarga Farah mengetahui bahawa anaknya akan tinggal di rumah mereka.
- (iv) Leela memberitahu ayahnya bahawa Farah telah meminta izin daripada ibu bapanya untuk mengajak dia bercuti di rumah mereka.

2.

- (i) Haris bertanyakan perasaan Fakri sama ada dia seronok belajar di kolej itu.
- (ii) Fakri menyatakan bahawa dia berasa seronok kerana banyak kemudahan yang disediakan di kolej itu.
- (iii) Haris inginkan kepastian dan bertanyakan sama ada terdapat perkhidmatan Internet percuma di situ.
- (iv) Fakri mengiakan dan menyatakan bahawa setiap bangunan di kolejnya menyediakan perkhidmatan wifi dengan percuma.
- (v) Haris kemudiannya menyatakan keinginannya untuk belajar di kolej itu.
- (vi) Fakri menggalakkan Haris membuat permohonan dan menyuruh Haris membuat permohonan apabila permohonan masuk ke kolej dibuka.

3.

- (i) “Mengapa kau nak panjat pokok kelapa tu?” tanya Pak Abu kepada Pak Kassim.
- (ii) “Aku nak cantas pelepah kelapa kering yang liat,” jawab Pak Kassim.
- (iii) “Jangan cari fasal, kita ni dah berumur, tak payahlah kau panjat,” nasihat Pak Abu kepada Pak Kassim.
- (iv) “Aku nak cantas pelepah tu sebab pelepah tu menghalang pelepah muda nak tumbuh,” jawab Pak Kassim.

4.

- (i) CHUN: Lily, bagaimana nak hilangkan parut jerawat di muka saya?
- (ii) LILY: Saya fikir awak perlu gunakan krim bagi menghilangkan parut jerawat.
- (iii) CHUN: Saya dah pakai tetapi parut masih ada dan kulit saya nampak kasar.
- (iv) LILY: Saya syorkan awak pergi jumpa doktor, mungkin kulit awak tidak sesuai dengan krim itu.

## Praktis 5

1.
  - (i) Petai selalu dikaitkan dengan bau yang kurang enak tetapi petai mempunyai banyak khasiat.
  - (ii) Dalam perubatan tradisional, petai digunakan untuk merawat penyakit jantung dan penyakit kencing manis.
  - (iii) Kulit petai digosok pada bekas gigitan nyamuk dapat mengubati kegatalan, manakala meminum air rebusan daun petai mampu merawat demam kuning.
2.
  - (i) Produk gincu merupakan produk bernilai tinggi.  
Bentuk produk gincu direka khas bagi memenuhi keperluan wanita.  
Bentuk produk gincu direka khas bagi memenuhi minat wanita.
  - (ii) Gincu ini dapat memberikan rasa licin kepada bibir.  
Gincu dapat memberikan rasa lembut kepada bibir.  
Gincu dapat memberikan rasa semula jadi kepada bibir.
3.
  - (i) Banjir merupakan suatu fenomena alam yang tidak dapat dielakkan dan bencana ini disebabkan oleh pelbagai faktor.
  - (ii) Faktor kejadian banjir di seluruh dunia kerana impak perubahan iklim dan aktiviti pembalakan di kawasan tadahan air serta pencemaran sungai.
  - (iii) Mutakhir ini, kejadian banjir besar semakin banyak berlaku menyebabkan mangsa banjir tidak dapat meneruskan aktiviti ekonomi dan mendatangkan kesan terhadap kesihatan orang ramai.
4.
  - (i) Teh menjadi minuman yang terkenal di dunia.  
Teh menjadi minuman yang disukai ramai.
  - (ii) Minuman ini diminum untuk tujuan perubatan.  
Minuman ini diminum untuk mengekalkan kesihatan.
  - (iii) Kajian membuktikan teh memberikan kebaikan bagi menghalang penyakit kronik.  
Kajian membuktikan teh memberikan kebaikan bagi menghalang penyakit kardiovaskular.

## Praktis 6

1.
  - (i) Hutan simpan dicerobohi oleh pendatang asing untuk dijadikan tempat tinggal.
  - (ii) Peralatan tradisional digunakan oleh kebanyakan nelayan untuk menangkap ikan.
  - (iii) Tali pinggang keledar mesti dipasang oleh penumpang kapal terbang apabila kapal terbang hendak mendarat.
  - (iv) Datuk dan nenek di kampung kami ziarah pada musim cuti sekolah.
  - (v) Resipi masakan terkini dicipta oleh Henry untuk pelbagai kaum di Malaysia.
  - (vi) Rumah kami kemas bersama-sama ahli keluarga setiap hujung minggu.
  - (vii) Sehelai seluar baharu dibeli oleh Shahrul untuk menghadiri temu duga.
  - (viii) Negara ini dimasuki secara haram oleh pekerja asing kerana mereka tidak mempunyai wang untuk membuat pasport.
  - (ix) Mercun dan bunga api akan dibakar oleh masyarakat Cina apabila menyambut Tahun Baharu Cina.
  - (x) Bayinya dikendong oleh Jamilah sepanjang masa dia bekerja kerana tiada orang untuk menjaga bayinya.
2.
  - (i) Ayah menanam pokok bunga ros merah itu di hadapan rumah kami.
  - (ii) Semua murid sekolah kami menyertai Program Hijaukan Alam Sekitar.
  - (iii) Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka menterjemahkan buku karangan tokoh terkenal dari China itu.
  - (iv) Syarikat Rezaz di Perancis menyaman Abu Zahar kerana mengubahsuai kereta keluaran syarikatnya tanpa kebenaran.
  - (v) Kereta nenek melanggar kucing adik sewaktu nenek memandu masuk ke halaman rumah kami.
  - (vi) Sasterawan Negara, Datuk A. Samad Said telah menulis novel Salina lebih 60 tahun lalu.
  - (vii) Pekerja asing banyak melakukan aktiviti maksiat dan jenayah di negara kita.
  - (viii) Kakak memanaskan lauk yang telah dimasak pagi tadi untuk makan tengah hari.

- (ix) Penjahat menghampiri orang kaya itu sebelum mengugut untuk membunuh jika tidak diberi wang.
- (x) Shamimi memakai baju berwarna oren ketika datang ke rumah Sharif.

### Praktis 7

- |                   |                      |
|-------------------|----------------------|
| (i) Ayat Seruan   | (v) Ayat Majmuk      |
| (ii) Ayat Silaan  | (vi) Ayat Larangan   |
| (iii) Ayat Tanya  | (vii) Ayat Penyata   |
| (iv) Ayat Suruhan | (viii) Ayat Songsang |

### Praktis 8

1.
 

(i) Kalau kail panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga	(iii) Jikalau ular menyusur akar, tiada hilang bisanya
(ii) Lidah bercabang bagai biawak	(iv) Seperti lintah menghisap darah
2.
 

(i) Biduk lalu kiambang bertaut	(ii) Seperti tikus jatuh di beras	(iii) Biar putih tulang, jangan putih mata
---------------------------------	-----------------------------------	--
3.
 

(i) Segan berkayuh, perahu hanyut	(v) Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri
(ii) Harapkan pegar, pegar makan padi	(vi) Melentur biarlah waktu rebung
(iii) Berhakim kepada beruk	
(iv) Belum duduk sudah berlunjur	
4.
  - (i) Amirudin terbaring di serambi rumah selepas berbuka puasa **macam ular kekenyangan**.
  - (ii) Siti yang cemburu akan Haidah dan Hasan telah menabur fitnah terhadap kedua-duanya **seperti api dalam sekam** yang akhirnya menghancurkan rumah tangga mereka berdua.
  - (iii) Ganesh seorang pemuda yang berhemah, dia ibarat **masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak** apabila tinggal dalam kalangan masyarakat Melayu.
  - (iv) Akhirnya kegiatan Jalil yang suka memecah rumah orang akhirnya dapat dihidu oleh pihak polis kerana **sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah jua**.
  - (v) Walaupun Azam seorang yang pendiam tetapi dia telah berjaya menangkap seorang peragut di pasar raya semalam, bak kata bidalan **air yang tenang jangan disangka tiada buaya**.
  - (vi) Hati Fadhilah **seperti kaca terhempas ke batu** apabila ditinggalkan oleh suaminya untuk berkahwin dengan wanita lain.

## PENEGUHAN SISTEM BAHASA

### Praktis 1

- |                    |              |                    |
|--------------------|--------------|--------------------|
| (i) kami           | (iii) futsal | (v) Proton Perdana |
| (ii) Bahasa Melayu | (iv) goreng  |                    |

### Praktis 2

- |            |             |          |
|------------|-------------|----------|
| (i) tuanku | (iii) Hamba | (v) kamu |
| (ii) kamu  | (iv) Mereka |          |

### Praktis 3

- |                 |               |            |
|-----------------|---------------|------------|
| (i) ulas        | (iii) secubit | (v) batang |
| (ii) Sesetengah | (iv) beberapa |            |

### Praktis 4

- |                    |                |          |
|--------------------|----------------|----------|
| (i) dalam kalangan | (iii) daripada | (v) akan |
| (ii) kepada        | (iv) di        |          |

### Praktis 5

- |                |                |               |
|----------------|----------------|---------------|
| (i) mendaki    | (iii) membuang | (v) memancing |
| (ii) bermenung | (iv) mandi     |               |

**Praktis 6**

- |             |             |            |
|-------------|-------------|------------|
| (i) akan    | (iii) belum | (v) begitu |
| (ii) sedang | (iv) tidak  |            |

**Praktis 7**

- |               |                   |              |
|---------------|-------------------|--------------|
| (i) sementara | (iii) sambil      | (v) manakala |
| (ii) walaupun | (iv) tetapi/namun |              |

**Praktis 8**

- |             |              |           |
|-------------|--------------|-----------|
| (i) adalah  | (iii) adalah | (v) ialah |
| (ii) adalah | (iv) ialah   |           |

**Praktis 9**

- |                |                  |                  |
|----------------|------------------|------------------|
| (i) berselisih | (iii) berjauhan  | (v) Berbantalkan |
| (ii) berteman  | (iv) Berdasarkan |                  |

**Praktis 10**

- |                           |                              |
|---------------------------|------------------------------|
| (i) paling laris/terlaris | (iv) terpandai/pandai sekali |
| (ii) amat cantik          | (v) paling tinggi/tertinggi  |
| (iii) meriah sekali       |                              |

**Praktis 11**

- |                |                   |                |
|----------------|-------------------|----------------|
| (i) menjauhkan | (iii) menjalankan | (v) mensyukuri |
| (ii) mendekati | (iv) mendabik     |                |

**Praktis 12**

- |                |                |               |
|----------------|----------------|---------------|
| (i) dihadapkan | (iii) dihargai | (v) dilakukan |
| (ii) ditanam   | (iv) diambil   |               |

**Praktis 13**

- |                   |                     |                |
|-------------------|---------------------|----------------|
| (i) memperkatakan | (iii) mempertemukan | (v) memperkaya |
| (ii) memperdalam  | (iv) memperbaharui  |                |

**Praktis 14**

- |                   |                     |                  |
|-------------------|---------------------|------------------|
| (i) dipertemukan  | (iii) dipermudahkan | (v) diperkatakan |
| (ii) diperbaharui | (iv) diperbuat      |                  |

**Praktis 15**

- |                                 |                                   |
|---------------------------------|-----------------------------------|
| (i) Pepohon/Pohon-pohon         | (iv) Himpunan buku/Buku-buku      |
| (ii) Semua ahli/Ahli-ahli       | (v) ramai rakannya/rakan-rakannya |
| (iii) Deretan rumah/Rumah-rumah |                                   |

**Praktis 16**

- |                                    |                      |
|------------------------------------|----------------------|
| (i) saling membantu/bantu-membantu | (iv) gilang-gemilang |
| (ii) lintang-pukang                | (v) calar-balar      |
| (iii) Berpuluh-puluh               |                      |

**Praktis 17**

- |                  |                 |               |
|------------------|-----------------|---------------|
| (i) mencuit hati | (iii) dwibahasa | (v) dua belas |
| (ii) balai raya  | (iv) Kadangkala |               |

**Praktis 18**

- |                      |                  |                    |
|----------------------|------------------|--------------------|
| (i) Restoran Khairil | (iii) kali kedua | (v) Keropok goreng |
| (ii) lembu susu      | (iv) bas mini    |                    |

## KESALAHAN EJAAN

### Praktis 1

- (i) sirih (ii) Berpuluh-puluh (iii) Mengisahkan

### Praktis 2

- (i) melaporkan (ii) aneh (iii) pelopor

### Praktis 3

- (i) dokumen (ii) Tragedi (iii) kontinjen

## SINTAKSIS

### Praktis 1

- (i) Frasa Nama + Frasa Kerja (iii) Frasa Nama + Frasa Nama  
(ii) Frasa Nama + Frasa Kerja (iv) Frasa Nama + Frasa Sendi Nama

### Praktis 2

- (i) kereta baharu (iii) ratusan burung  
(ii) bas itu (iv) rumah Abdul Halim

### Praktis 3

- (i) Zamri (iv) diletakkan di bawah sebatang pokok yang  
(ii) bersepakat untuk membersihkan kelas rendang  
(iii) tinggal di Taman Perdana

### Praktis 4

- (i) Di halaman rumah emak dan nenek (iii) Digantung pada dinding gambar yang baru  
membakar lemang. dibeli oleh Encik Lim.  
(ii) Pada hari minggu ini perlawanan bola (iv) Buku yang saya pinjam saya sudah  
sepak itu akan diadakan. pulangkan kepada Fazli semalam.

### Praktis 5

- (i) Budak-budak itu bermain bola di padang. (iii) Ubat yang saya telan ini sungguh pahit.  
(ii) Mereka sudah sampai di Johor Bahru (iv) Hujah Ahmad dalam perbahasan itu amat  
petang semalam. bernas.

## PERIBAHASA

### Praktis 1

- (i) Raja sehari (ii) Bagai pinang di belah dua

### Praktis 2

- (i) Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing (ii) Bulat air kerana pembedung, bulat manusia  
kerana sepakat

### Praktis 3

- (i) Bermandi peluh (ii) Alah bisa tegal biasa

### Praktis 4

- (i) Ke bukit sama di daki, ke lurah sama dituruni (ii) Usaha tangga kejayaan

## LATIHAN MIRIP PT3 2019

### Set 1

1.
  - (i) beberapa gunung
  - (ii) jatuh
  - (iii) telah saya siapkan
  - (iv) teramat sayu / sayu sekali
2.
  - (i) nasib
  - (ii) pengawet
  - (iii) penguat kuasa
3.
  - (i) Semua sekolah vokasional dinaik taraf sebagai kolej vokasional bermula tahun 2013.
  - (ii) Murid-murid zaman ini malas belajar dan menyukai hiburan.
  - (iii) Fitri bertemu dengan ibu kandungnya semula di Johor.
  - (iv) Majlis perkahwinan Zahid dijalankan di rumah pusaka neneknya.
  - (v) May Lan selamat melahirkan anak sulungnya di Hospital Putrajaya.
4.
  - (i) Dayung sudah di tangan, perahu sudah di air
  - (ii) Bagai aur dengan tebing

### Set 2

1.
  - (i) sejak/dari
  - (ii) kedua-dua
  - (iii) saya beli
  - (iv) pada masa
2.
  - (i) Tragedi
  - (ii) Acap kali
  - (iii) sekali gus
3.
  - (i) Subjek: Pokok kelapa sawit tua  
Predikat: akan ditebang pada minggu depan
  - (ii) Subjek: Pemain bola sepak sekolah  
Predikat: berlatih dari pagi sampai tengah hari
  - (iii) Subjek: Negara Syria  
Predikat: berada dalam kacau-bilau kerana rakyat memberontak terhadap pemerintah yang zalim
  - (iv) Subjek: Pengetua sekolah saya  
Predikat: telah bertukar ke sekolah lain
  - (v) Subjek: Azizah  
Predikat: telah berjaya menggondol tempat pertama dalam pertandingan Pidato Piala Pengetua 2018.
4.
  - (i) Seperti melukut di tepi gantang
  - (ii) Seperti abu di atas tunggul

### Set 3

1.
  - (i) daripada
  - (ii) pada hujung minggu
  - (iii) pisang goreng
  - (iv) Semua kuih/Kuih-kuih
2.
  - (i) komunisme
  - (ii) prasekolah
  - (iii) ke-21
3.
  - (i) Zaidi dan Kumar bertemu dengan Cikgu Ramli untuk membincangkan kertas projek persatuan.
  - (ii) Pelancong ke Pulau Langkawi untuk membeli-belah dan mandi-manda di tepi pantai.
  - (iii) Apabila tiba di rumah, Jacinta akan bertukar pakaian lalu makan tengah hari.
  - (iv) Encik Johan terkejut dan marah apabila mendapati rumahnya telah dipecah masuk oleh penjenayah.

- (v) Cikgu Roziah seorang guru yang garang, namun beliau amat bertimbang rasa terhadap kebajikan anak muridnya.

4.

- (i) Jauh panggang dari api (ii) Baik berjagung-jagung, sementara padi belum masak

#### Set 4

1.

- (i) pelbagai faktor /faktor-faktor (iii) dua helai kemeja  
(ii) Semua hadirin (iv) rumah orang-orang tua

2.

- (i) laporan (ii) tandatangan (iii) keriting

3.

- (i) Cikgu Sufian telah mendenda murid itu kerana menconteng dinding tandas.  
(ii) Jalil mengakui kejayaannya dalam sukan kerana sering menjaga disiplin.  
(iii) Ibu membeli kek coklat itu di pekan pada petang tadi.  
(iv) Tikus menggigit beg sekolah adik kerana ada makanan di dalamnya.  
(v) Saya belum menyiram pokok-pokok bunga di halaman rumah.

4.

- (i) Biduk lalu kiambang bertaut (ii) Laut mana yang tak berombak, bumi mana yang tak ditimpa hujan

#### Set 5

1.

- (i) dua bulan setengah (iii) antara  
(ii) Semua penghuni/Penghuni-penghuni (iv) adalah

2.

- (i) syiling (ii) diimport (iii) selesema

3.

- (i) Hutan tropika merupakan hutan tertua di dunia.  
(ii) Hutan tropika kaya dengan flora.  
(iii) Hutan tropika kaya dengan fauna.  
(iv) Faktor pembangunan yang pesat menyebabkan saiz hutan tropika semakin mengecil.  
(v) Ketidakepekaan manusia terhadap alam sekitar menyebabkan saiz hutan tropika semakin mengecil.

4.

- (i) Seperti cacing kepanasan  
(ii) Sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain

## BAHAGIAN B: KOMSAS DAN NOVEL

### Praktis 1 Pantun Alam Remaja

- (i) Apabila mendapati ibu sudah pulang, hilang perasaan takut dan risau yang menyelubungi perasaan pengarang. Selain itu, pengarang berasa gembira yang teramat sangat.
- (ii) Pengajaran yang diperoleh daripada pantun ialah **kita hendaklah mempunyai perasaan kasih sayang terhadap keluarga**, contohnya ibu pulang ke rumah untuk menemui anak-anak setelah selesai menjalankan tugas di luar. Selain itu **kita haruslah bersyukur terhadap pemberian yang diberi**, contohnya pengarang berasa gembira apabila ibunya pulang membawa baju dan celana.
- (iii) Pengarang berpantun untuk meluahkan rasa gembira **kerana** ibunya yang ditunggu-tunggu sudah pulang. Selain itu, pengarang ingin menunjukkan kemahirannya melagukan puisi tradisional kepada ibu bapanya seperti **yang** telah diajar oleh mereka. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

### Praktis 2 Pantun Kiasan

- (i) Pengarang menasihati kita agar tidak mengheboh-hebohkan kejayaan yang kecil supaya tidak diketawakan oleh masyarakat. Seterusnya, perubahan sikap manusia tidak dapat dikawal kerana setiap benda hidup akan berubah mengikut keadaan dan masanya.
- (ii) Nilai murni daripada pantun ialah **rasional**, contohnya kita tidak boleh terlalu mengharapkan bunyi guruh kerana hujan belum tentu akan turun. Seterusnya **hemah tinggi**, contohnya kita perlu menjaga pertuturan, bukan membuat kecoh seperti ayam yang riuh walaupun bertelur sebiji.
- (iii) Sesuatu yang tidak pasti boleh menjadi kenyataan sekiranya kita membuat kajian yang mendalam sebelum mengambil sesuatu tindakan **supaya** perkara yang dilakukan tidak sia-sia. Selain itu, usaha dan keperluan yang diperlukan hendaklah dipenuhi **agar** tindakan yang diambil membuahkan hasil. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

### Praktis 3 Pantun Budi

- (i) Manusia menilai taraf hidup seseorang berdasarkan pakaian yang dipakai. Namun, latar belakang tidak penting asal sahaja seseorang itu pandai berbudi bahasa apabila bertemu dengan orang lain.
- (ii) Gaya bahasa yang terdapat dalam pantun ialah **simile**, contohnya dalam baris “Bagai cincin dengan permata”. Selanjutnya **anafora**, contohnya dalam empat baris yang berikut: “Yang kurik kundi”, “Yang merah saga”, “Yang baik budi”, dan “Yang indah bahasa”.
- (iii) Masyarakat lebih suka bersahabat dengan orang yang berharta adalah untuk kesenangan diri **kerana** boleh meminjam sekiranya dalam kesusahan. Selain itu, harta memudahkan seseorang itu membeli sesuatu yang mewah **untuk** menunjukkan diri berprestij dalam kalangan rakan dan saudara. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

### Praktis 4 Pantun Nasihat

- (i) Rangkap 4 membawa maksud seseorang yang berkata-kata sehingga melampaui batasan (berlebihan). Akhirnya diri sendiri yang berasa malu.
- (ii) Nilai murni daripada pantun ialah **rasional**, contohnya kita tidak boleh menghisap ganja kerana memabukkan. Selain itu **hemah tinggi**, contohnya pengarang mengingatkan kita supaya bijak membawa diri apabila merantau di tempat orang.
- (iii) Untuk mengelakkan diri daripada terlibat dalam penyalahgunaan dadah, kita perlu bijak memilih rakan sebaya **kerana** rakan sebaya mampu mempengaruhi segala tindakan kita. Selain itu, kita perlu mempunyai jati diri yang kuat **agar** dapat menapis segala godaan daripada sesiapa juga. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

### Praktis 5 Pantun Kasih Sayang

- (i) Maksud rangkap pantun di atas ialah orang yang dikasihinya amat cantik walaupun dikelilingi oleh gadis cantik yang lain. Hal ini menyebabkan dia berkeinginan memiliki gadis itu.
- (ii) Pengajaran daripada pantun ialah **kita perlu bersikap rasional dalam bertindak**, contohnya melihat bulan dipagar bintang yang sukar untuk dicapai membawa maksud kesukaran memiliki sesuatu yang mustahil. Seterusnya **kita hendaklah memiliki perasaan kasih sayang**, contohnya asam di darat, ikan di laut akan bersatu juga yang membawa maksud ikatan kasih sayang yang kuat akan terikat dengan perkahwinan.
- (iii) Apabila lelaki bertemu wanita, komunikasi hendaklah berhemah **serta** tidak mempunyai perasaan yang tidak baik. Selain itu, pertemuan untuk berkomunikasi perlulah dihadiri oleh rakan **untuk** mengelakkan timbulnya fitnah. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

### Praktis 6 Syair Nasihat Penghujung Thamarat Al-Muhimmah

- (i) Harapan penyair ialah raja atau pemerintah perlu mengutamakan ilmu pengetahuan tanpa meremehkannya kerana masalah rakyat tidak dapat diselesaikan lantaran tiada ilmu pengetahuan.
- (ii) Persoalan daripada syair ialah **persoalan timbulnya masalah apabila diri tidak berilmu**, contohnya tanpa ilmu di dada, pemimpin tidak mampu menyelesaikan masalah yang dikemukakan oleh rakyat. Selain itu **persoalan keberanian dalam bertindak**, contohnya orang yang bersalah perlu dihukum dengan adil tanpa menghiraukan umpat dan puji orang lain, sebaliknya perlu berserah kepada Allah.
- (iii) Seorang ayah perlu memberikan nasihat kepada anaknya kerana pengalaman yang dilalui boleh dijadikan pedoman kepada anak **untuk** menjadi pemimpin yang berjaya. Selain itu, ayah tidak mahu anaknya lupa akan tanggungjawab sebagai pemimpin **yang** perlu berintegriti, berilmu, dan berwawasan. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].



### Praktis 7 Sajak dalam Persekitaran Kata-kata

- (i) Bagi penyajak, bahasa merupakan pandangan alam bangsanya yang amat luas. Bahasa ibundanya melibatkan unsur alam semula jadi yang mentakrifkan kejadian alam berdasarkan agama.
- (ii) Persoalan daripada sajak ialah **persoalan pandangan alam dan kekayaan bahasa**, contohnya bahasa merupakan pandangan alam penuturnya yang kaya dengan unsur alam semula jadi. Selain itu **persoalan bahasa menghubungkan manusia dengan pencipta**, contohnya menerusi bahasa manusia berinteraksi dengan Tuhan.
- (iii) Apabila kita banyak membaca, kita akan menemui perkataan-perkataan baharu **yang** boleh dimanfaatkan ketika berkomunikasi. Selain itu, kita dapat menghadam laras bahasa pengarang **serta** memahami buku-buku berkualiti yang kita baca. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

### Praktis 8 Sajak Roti

- (i) Apabila roti dihidangkan, penyajak makan sekeping demi sekeping untuk memenuhi nafsu kelaparannya. Penyajak makan sehingga perutnya berasa kenyang dan bersendawa puas.
- (ii) Gaya bahasa daripada sajak ialah **personifikasi**, contohnya menerusi baris “selera kian menggelepar”. Selain itu **simile**, contohnya dalam baris “terhidang seumpama permaidani terhampar”.
- (iii) Bersarapan roti bakar atau nasi lemak mampu mengenyangkan **tetapi** roti bakar kurang kalori berbanding dengan nasi lemak. Makan roti bakar lebih baik dan berkhasiat **kerana** kurang kalori manakala nasi lemak boleh menyebabkan seseorang itu mengantuk. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

### Praktis 9 Kucari Damai di Sini

- (i) Penyajak mengharapkan negara mencatatkan kegemilangan sepanjang zaman. Impak daripada kegemilangan ini rakyat akan berasa bangga, terutamanya generasi yang akan datang.
- (ii) Nilai murni daripada sajak ialah **kesyukuran**, contohnya penyajak berasa syukur tinggal di negaranya yang merdeka dan hidup dalam suasana aman. Seterusnya **semangat bermasyarakat**, contohnya masyarakat menjalinkan tali persaudaraan sebagai menghargai nikmat kemerdekaan yang diterima.
- (iii) Untuk menyemarakkan patriotisme murid, sekolah hendaklah mengadakan Bulan Kemerdekaan dengan menjemput orang yang pernah hidup ketika zaman penjajahan untuk berkongsi pengalaman. Selain itu, sebuah galeri sejarah hendaklah diwujudkan dengan mencatatkan sejarah perjuangan tokoh kemerdekaan negara. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

### Praktis 10 Sajak pada Sekuntum Mawar

- (i) Apabila gadis hilang maruah, bondanya akan menitikkan air mata. Kejadian tersebut akan menghantui kehidupan anak gadis, sekali gus menjejaskan maruah ahli keluarganya.
- (ii) Gaya bahasa daripada sajak ialah **simile**, contohnya dalam baris “seperti telah menutup”. Seterusnya **personifikasi**, contohnya dalam baris “yang luruh dalam lipatan usia”.
- (iii) Ibu bapa berperanan menjaga kehormatan dan maruah anak dengan mengenal pasti rakan sebaya anak-anak **kerana** rakan sebaya banyak mempengaruhi sikap dan tindakan mereka. Selain itu, pendidikan agama perlu diberikan sejak usia berusia tujuh lagi **agar** anak-anak dapat membezakan antara yang baik dengan buruk dan halal dengan yang haram. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

### Praktis 11 Prosa Tradisional Pelanduk Mengajar Memerang

- (i) Memerang menemui Nabi Allah Sulaiman untuk mengadu tentang perbuatan Perdana Menteri Syah Alam di Rimba yang menganiaya anak-anaknya. Perbuatan Perdana Menteri itu menyebabkan semua anaknya yang ditinggalkan di pondok mati.
- (ii) Setelah menerima aduan daripada memerang, Nabi Allah Sulaiman termenung seketika. Kemudian baginda menitahkan belatuk memanggil Perdana Menteri Syah Alam di Rimba datang menghadapnya.
- (iii) Memerang membuat aduan kepada Nabi Allah Sulaiman untuk mendapatkan pembelaan **kerana** baginda seorang raja yang adil dalam setiap keputusan. Selain itu, memerang menghormati peranan baginda **yang** menjadi pemimpin dalam kalangan hidupan di rimba. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

### Praktis 12 Cerpen Banjir di Mata Emak

- (i) Perempuan tua itu mengeluh disebabkan ketiadaan makanan kerana orang yang menjual ikan sudah tiga hari tidak datang. Selain itu, mamak yang menjual roti juga tidak masuk ke kampung kerana banjir.

- (ii) Sikap negatif anak lelaki perempuan tua itu ialah dia tidak datang menjenguk emaknya walaupun tinggal tidak jauh dari rumah emaknya. Selain itu, anak lelaki perempuan tua itu tidak menghiraukannya yang sedang menghadapi banjir.
- (iii) Seseorang anak melupakan ibu bapa mereka yang uzur kerana kesibukan bekerja untuk mencari rezeki **hingga** tidak mempunyai masa terluang menjenguk ibu bapa yang berada di kampung. Selain itu, kesukaran menjaga orang tua yang mempunyai banyak kerendah **menyebabkan** tanggungjawab itu diserahkan kepada adik-beradik yang lain. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

### Praktis 13 Cerpen Talia dan Raksasa Qadqad

- (i) Beratus-ratus raksasa Qadqad menyerang manusia kerana hari sebelumnya sebatang balak menimpa sarang makhluk itu. Kemudian mandur kem balak telah menetak mati kesemua yang terperangkap dalam sarang itu.
- (ii) Apabila mendengar jeritan Sidek, para pekerja bertempieran meninggalkan tugas masing-masing. Ada juga pekerja yang berdekatan kapal korek terjun ke dalam lombong. Kemudian mereka berlindung di dalam dua buah bangunan di tepi lombong.
- (iii) Sidek tidak berani berhadapan dengan raksasa itu kerana tubuhnya kecil dan tidak bersenjata **untuk** menghadapi makhluk yang kuat dan ganas. Selain itu, baginya menyelamatkan diri lebih penting **untuk** menyusun strategi bagi menghadapi musuh pada hari yang lain. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

### Praktis 14 Cerpen Menuai Emas

- (i) Alif tidak sanggup menyaksikan petak-petak sawah yang menjadi sumber makanan leluhurnya berganti dengan rumah teres kos rendah. Selain itu, dia tidak dapat membayangkan landskap kampungnya yang selama ini tenang dengan sawah padi berganti dengan hutan batu.
- (ii) Warga emas tidak memajukan tanah pertanian mereka kerana diri mereka sudah terlalu letih. Selain itu, tiada waris yang sudi menyambung tugas mereka disebabkan kebanyakan anak mereka sudah berhijrah ke bandar dan bekerja dalam sektor industri.
- (iii) Anak-anak muda selesa bekerja makan gaji kerana mereka boleh memperoleh gaji yang tetap walaupun tidak banyak berbanding dengan mengusahakan pertanian **yang** pasarannya turun naik. Selain itu, mereka tidak didedahkan sejak kecil bahawa mengusahakan pertanian lebih menguntungkan **dan** mempunyai masa depan yang cerah. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

### Praktis 15 Drama Mahkamah

- (i) Hujah Pendakwa Raya ialah kambing sudah tentu tidak boleh mengais kulit pisang ke jalan raya jika Bulat tidak membuangnya. Seterusnya, nenek tua pasti tidak akan memijak pisang itu jika Bulat tidak membuangnya.
- (ii) Hujah Pendakwa Raya ialah kambing sudah tentu tidak boleh mengais kulit pisang ke jalan raya jika Bulat tidak membuangnya. Seterusnya, nenek tua pasti tidak akan memijak pisang itu jika Bulat tidak membuangnya.
- (iii) Sekiranya hakim salah membuat keputusan, pihak yang benar akan dijatuhkan hukuman **menyebabkan** keluarganya akan mengalami kesusahan dalam menjalani kehidupan. Seterusnya, masyarakat tidak akan meyakini sistem kehakiman **menyebabkan** masyarakat mengambil keputusan sendiri dalam bertindak. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

- **Jawapan Praktis Novel sila rujuk nota di halaman 77 hingga 106**

## BAHAGIAN C: ULASAN

### Praktis 1

[Pendahuluan] Kecemerlangan dalam akademik menjadi impian setiap murid. [Isi 1] Murid yang cemerlang akan fokus ketika guru mengajar. [Contoh/Kesan] Maklumat yang disampaikan oleh guru dicatat, kemudian bertanyalah kepada guru jika ada yang tidak difahami. [Isi 2] Selain itu, ulang kaji tajuk yang diajar oleh guru apabila pulang ke rumah. [Contoh/Kesan] Kaedah ini membolehkan sesuatu topik itu kekal dalam ingatan untuk tempoh yang lama. [Isi 3] Seterusnya, murid yang cemerlang akan membuat rujukan daripada buku rujukan. [Contoh/Kesan] Pelbagai jenis buku dengan bentuk soalan yang berbeza akan memahirkan diri murid dalam menghadapi peperiksaan yang sebenar. [Penutup] Tiada jalan singkat untuk memperoleh kejayaan. Semua murid boleh cemerlang dalam akademik kerana **belakang parang kalau diasah nescaya tajam**.

## Praktis 2

[**Pendahuluan**] Ketenteraman hidup akan terusik apabila jenayah berlaku di kawasan tempat tinggal. [**Isi 1**] Bagi mengatasinya, rukun tetangga atau kawalan keselamatan diperlukan untuk menjaga tempat tinggal. [**Contoh/Kesan**] Bagi komuniti yang berduit, mereka menggaji pengawal keselamatan untuk menjaga kawasan perumahan yang berpagar. [**Isi 2**] Selain itu, masyarakat perlu mengenali sesama jiran. [**Contoh/Kesan**] Apabila jiran saling mengenali, sudah pastilah mereka dapat mengenal pasti individu yang tidak dikenali yang masuk ke kawasan perumahan. [**Isi 3**] Seterusnya, jalinan kerjasama dengan polis amat diperlukan. [**Contoh/Kesan**] Apabila polis membuat pemantauan secara berkala, mereka yang mahu melakukan pecah rumah akan berfikir beberapa kali. [**Penutup**] Kita perlulah sentiasa peka dengan kejadian jenayah. Hal ini demikian kerana **musuh dalam selimut** ada di mana-mana.

## Praktis 3

[**Pendahuluan**] Karya sastera dipelajari menerusi mata pelajaran Bahasa Melayu. [**Isi 1**] Penggunaan bahan sastera bermatlamat membina perkembangan bahasa. [**Contoh/Kesan**] Keindahan bahasa berupaya mendekatkan kita dengan keragaman dan kekayaan bahasa sastera yang indah dan menarik. [**Isi 2**] Karya sastera juga bertujuan membina sahsiah terpuji. [**Contoh/Kesan**] Sebagai contohnya, kita dapat berfikir dengan rasional dan berpegang pada etika. [**Isi 3**] Seterusnya, sastera yang tumbuh dalam jiwa dan bahasa sesuatu bangsa akan membentuk jati diri bangsa. [**Contoh/Kesan**] Impaknya, sastera dapat memberikan pendedahan berkaitan dengan unsur budaya dan nilai yang diamalkan dalam masyarakat. [**Penutup**] Oleh itu, kita perlu membaca karya yang berkualiti. Hal ini demikian kerana **kalau pandai meniti buih, selamat badan sampai di seberang**.

## Praktis 4

[**Pendahuluan**] Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Dato' Bahaman, Leftenan Adnan, dan Dato' Onn Jaafar antara tokoh yang banyak berjasa kepada kemerdekaan negara. [**Isi 1**] Cara menghargai tokoh-tokoh ini adalah dengan pengisahan sejarah perjuangan mereka. [**Contoh/Kesan**] Sebagai contohnya, pakar sejarah diundang untuk menceritakan sejarah perjuangan seseorang tokoh ketika menentang penjajah. [**Isi 2**] Seterusnya, drama dan filem berkaitan dengan tokoh negara perlu diperbanyak. [**Contoh/Kesan**] Kita memuji usaha memfilemkan kisah perjuangan Leftenan Adnan. [**Isi 3**] Persatuan Sejarah Malaysia pula perlu mengadakan pertandingan menulis biografi tokoh sejarah. [**Contoh/Kesan**] Lantaran itu, banyak buku tokoh pejuang kemerdekaan dapat diterbitkan. [**Penutup**] Sesungguhnya, jasa tokoh negara perlu dikenang kerana **harimau mati meninggalkan belang, gajah mati meninggalkan gading, manusia mati meninggalkan nama**. Sebagai warganegara, kita pula mengisi kemerdekaan dengan ilmu di dada.

## Praktis 5

[**Pendahuluan**] Bangunan Sultan Abdul Samad, Kota A Famosa, dan Bukit Melawati, antara bangunan bersejarah yang terus dipelihara dengan baik. [**Isi 1**] Bangunan bersejarah amat penting untuk kajian generasi akan datang. [**Contoh/Kesan**] Kajian berdasarkan buku akan lebih lengkap apabila pengkaji melihat sendiri bangunan yang menjadi sejarah sesuatu peristiwa. [**Isi 2**] Bangunan bersejarah juga boleh menimbulkan semangat patriotik. [**Contoh/Kesan**] Sebagai contohnya, apabila mengunjungi Kota A Famosa, akan wujud semangat mempertahankan kemerdekaan negara daripada ancaman musuh. [**Isi 3**] Seterusnya, bangunan bersejarah boleh menjadi daya tarikan pelancong. [**Contoh/Kesan**] Setiap hujung minggu, kawasan Bukit Melawati akan dipenuhi pelancong untuk melihat kesan-kesan sejarah. [**Penutup**] Sebagai masyarakat yang prihatin, kita hendaklah bersama-sama memulihara tempat yang bersejarah. Lakukanlah dengan bersungguh-sungguh kerana **di mana ada kemahuan, di situ ada jalan**.

## Praktis 6

[**Pendahuluan**] Kedatangan pelancong boleh menyumbang sehingga RM103 bilion kepada negara. [**Isi 1**] Lantaran itu, kita perlu meningkatkan kualiti tempat pelancongan. [**Contoh/Kesan**] Pengusaha perlu menyediakan kemudahan penginapan yang lengkap dengan kadar sewa yang berpatutan. [**Isi 2**] Selain itu, kerajaan perlu memulihara tempat bersejarah. [**Contoh/Kesan**] Di sekitar bandar Melaka, tempat bersejarah seperti Kota A Famosa terus dikunjungi pelancong kerana diurus dengan sempurna. [**Isi 3**] Adat dan budaya masyarakat Malaysia juga ingin dihayati oleh masyarakat asing. [**Contoh/Kesan**] Penganjuran rumah terbuka ketika musim perayaan menjadi pilihan pelancong untuk turut serta. [**Penutup**] Berdasarkan pelbagai keistimewaan yang dimiliki oleh Malaysia, kita perlu menyokong usaha kerajaan memajukan industri pelancongan. Kita mengharapkan pelancong tidak lagi menganggap Malaysia **indah khabar daripada rupa**.

### **Praktis 7**

[**Pendahuluan**] Apabila kerajaan mengisytiharkan pertanian sebagai suatu peniagaan, golongan usahawan tani yang melibatkan pertanian, perikanan, dan penternakan perlu dibantu. [**Isi 1**] Mereka amat memerlukan bantuan kepakaran. [**Contoh/Kesan**] Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) hendaklah mendedahkan kepada petani corak pertanian yang berdaya saing dan benih yang berkualiti. [**Isi 2**] Seterusnya, bantuan dalam bentuk modal kepada usahawan tani amat diperlukan untuk membesarkan perniagaan. [**Contoh/Kesan**] Agrobank boleh memberikan pinjaman kepada usahawan tani yang menunjukkan minat untuk lebih maju. [**Isi 3**] Seterusnya, bantuan pemasaran amat diperlukan. [**Contoh/Kesan**] Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) boleh membantu petani memasarkan hasil pertanian di pasar tani. [**Penutup**] Sesungguhnya, **berbudi kepada tanah pasti mendapat hasilnya**. Jadi, kita perlu menyokong produk yang dihasilkan oleh usahawan tani tempatan.

## **BAHAGIAN D: ULASAN**

### **Praktis 1**

#### **Isi Penting**

- 1 Sikap tidak sabar rakyat di negara ini ketika memandu.
- 2 Kurang berhemah ketika di jalan raya.
- 3 Mudah rasa tercabar jika ada orang lain memandu laju dan memotong kereta mereka.
- 4 Seolah-olah berebut-rebut hendak sampai ke destinasi masing-masing.
- 5 Hendak menunjuk handal.
- 6 Masalah jalan raya yang berlubang.
- 7 Lampu isyarat yang tidak berfungsi dengan baik.
- 8 Kenderaan yang tidak diuruskan dengan sempurna.

### **Praktis 2**

#### **Isi Penting**

- 1 Membuang dan membersihkan semua rokok yang ada dalam simpanan.
- 2 Membuat nota galakan dan peringatan.
- 3 Mempunyai keazaman yang kuat dengan terus sahaja berhenti merokok.
- 4 Masa yang terluang pula perlu ditumpukan pada aktiviti yang berfaedah.
- 5 Perokok berfikiran positif dengan menganggap diri bukan perokok.
- 6 Perokok perlu mendapat sokongan daripada keluarga dan orang yang terdekat.
- 7 Perokok perlu melawan keinginan untuk merokok.
- 8 Menjauhkan diri daripada orang yang merokok.

### **Praktis 3**

#### **Isi Penting**

- 1 Penyalur maklumat dan ilmu kepada masyarakat.
- 2 Medan penting penjana misi dan visi kerajaan kepada rakyat.
- 3 Agen perubahan dalam pembentukan masyarakat yang maju dalam segala disiplin.
- 4 Rakan kongsi strategik sesebuah kerajaan dalam pembentukan negara bangsa.
- 5 Penyalur maklumat utama kerajaan untuk menyampaikan hebahan yang penting.
- 6 Sebagai alat untuk meningkatkan penguasaan berbahasa bagi murid.
- 7 Mampu memberikan hiburan berdasarkan ruangan yang disediakan.
- 8 Mempengaruhi rakyat untuk mengambil tindakan seperti yang dikehendaki oleh pemerintah.

### **Praktis 4**

#### **Isi Penting**

- 1 Sikap bertolak ansur yang tinggi.
- 2 Perlu membezakan antara unsur-unsur kaum dengan agama.
- 3 Berfikiran terbuka dan sedia menerima budaya kaum lain yang tidak bercanggah.
- 4 Mengawal sikap kita supaya tidak melampaui batas serta tidak terlalu ekstrem.
- 5 Bersikap terbuka dalam menerima perubahan dan perbezaan.
- 6 Usaha pihak universiti dengan meletakkan pelajar berlainan kaum dalam sebuah bilik.

- 7 Kanak-kanak perlu diajar menerima perbezaan dan keperluan orang lain.
- 8 Kanak-kanak diterapkan dengan nilai-nilai murni.

### **Parktis 5**

#### **Isi Penting**

- 1 Kerajaan bersedia berbelanja besar untuk memberikan imbuhan dan insentif kepada petani.
- 2 Kerajaan menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan petani.
- 3 Membeli peralatan canggih yang diperlukan dalam perusahaan pertanian.
- 4 Hasil pertanian diuruskan oleh kerajaan tanpa penglibatan orang yang tengah.
- 5 Kerajaan mengawal penghasilan dan penyimpanan stok makanan.
- 6 Keadaan prasarana dibaiki untuk memudahkan hasil pertanian dibawa keluar.
- 7 Kerajaan menambah kawasan pertanian sebagai aset strategik negara.
- 8 Mempertahankan status tanah pertanian daripada ditukar kepada kegunaan lain.

### **Parktis 6**

#### **Isi Penting**

- 1 Tidak boleh ponteng kelas tanpa sebab selalu.
- 2 Mendengar dengan teliti penerangan guru dan bertanyalah jika tidak faham.
- 3 Belajar secara konsisten.
- 4 Buat latih tubi secara berterusan terutama subjek yang sukar.
- 5 Buatlah perbincangan dengan ahli kumpulan belajar.
- 6 Mendengar kata guru dan menghormati guru.
- 7 Menyiapkan kerja rumah dan kerja kursus yang diberikan oleh guru mengikut masa yang ditetapkan.
- 8 Berdoa dan bertawakal atas usaha yang dijalankan dengan penuh keikhlasan.

### **Parktis 7**

#### **Isi Penting**

- 1 Sentiasa menitikberatkan pemilihan sahabat yang sebenar dalam kehidupan seharian.
- 2 Anggota masyarakat memainkan peranan besar dalam membendung masalah jenayah.
- 3 Ibu bapa memainkan peranan besar menentukan hala tuju dan arah hidup anak-anak.
- 4 Pengawasan kebebasan yang fleksibel perlulah dirangka dan dilaksanakan.
- 5 Pembinaan jati diri setiap murid.
- 6 Anak-anak ditanam perasaan benci akan kemungkaran dan mencintai perkara yang makruf.
- 7 Ibu bapa perlu menekankan pembentukan sahsiah diri anak-anak.
- 8 Semua berganding bahu mencari kaedah terbaik untuk menangani permasalahan.

### **Parktis 8**

#### **Isi Penting**

- 1 Tiada keseimbangan dalam diri individu.
- 2 Ibu bapa hanya memberikan perhatian apabila anak melakukan kesalahan atau kejahatan.
- 3 Perubahan fisiologi yang membabitkan peningkatan hormon.
- 4 Perasaan ingin mencapai tahap kecemerlangan yang sentiasa tinggi.
- 5 Remaja yang tidak dihargai keunikan dan identiti mereka.
- 6 Perubahan persekitaran menimbulkan pelbagai percanggahan dalam kehidupan.
- 7 Nilai asing yang bertentangan dengan akhlak dan moral.
- 8 Pembangunan memberikan tekanan kepada individu yang sudah selesai.